



INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA
Institute of Teacher Education Malaysia
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Ministry of Education Malaysia
ARAS 1 - 3, BLOK 2250
JALAN USAHAWAN 1
63000 CYBERJAYA, SELANGOR

Tel : 03-8312 6666
Faks : 03-8312 6655



Bill Code : 775205
Ref-1 : 050416131246
Ref-2 : 01-MARTHIA DENNA JERRY

JomPAY online di Perbankan Internet dan Telefon Mudah
Alih dengan akaun semasa atau simpanan

NAMA : **MARTHIA DENNA JERRY**
NO. KAD PENGENALAN: **050416131246**

Ruj. Kami : **KPM.IPGM.S.800-1/1/1.Jld 6 (TB050416131246)**
Tarikh : **9 Ogos 2024**

Saudara/ Saudari,

TAWARAN BERSYARAT MENGIKUTI PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA PERGURUAN (PISMP) KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM) AMBILAN TAHUN 2024

Sukacita dimaklumkan bahawa anda ditawarkan untuk mengikuti program di atas berdasarkan butiran berikut:

LALUAN : **PERDANA**
KEMASUKAN : **LEPASAN SPM**
BIDANG PENGKHUSUSAN : **BAHASA MELAYU PENDIDIKAN RENDAH**
ALIRAN SEKOLAH : **SEKOLAH KEBANGSAAN (SK)**
MOD KURSUS : **SEPENUH MASA**
LALUAN : **LALUAN KHAS PENAN**
TARIKH PENDAFTARAN : **26 OGOS 2024 (ISNIN)**
TEMPOH PENGAJIAN : **5 TAHUN (1 TAHUN PERSEDIAAN DAN 4 TAHUN IJAZAH SARJANA MUDA PERGURUAN)**
TEMPAT PENGAJIAN : **INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS RAJANG**
JALAN KJD
96509 BINTAGOR
SARAWAK

2. Tawaran ini akan **TERBATAL** dengan sendirinya jika :
 - 2.1 gagal memenuhi syarat-syarat dan kelayakan kemasukan;
 - 2.2 gagal mengemukakan **dokumen asal** yang diperlukan semasa pendaftaran;
 - 2.3 gagal hadir melapor diri pada tarikh yang telah ditetapkan tanpa sebarang alasan yang boleh diterima oleh pihak yang berkenaan;
 - 2.4 disahkan oleh pegawai perubatan mengidap apa-apa penyakit mental atau fizikal yang teruk dan tidak berupaya mengikuti program-program yang dirancang untuk kursus ini **walaupun pengesahan tersebut diterima selepas melapor diri atau sedang berkursus;**
 - 2.5 disahkan oleh pegawai perubatan atau ahli kimia bahawa telah menyalahgunakan dadah walaupun pengesahan tersebut diterima selepas melapor diri atau sedang berkursus;
 - 2.6 masih terikat dengan mana-mana perjanjian latihan;
 - 2.7 pernah disabitkan dalam kesalahan jenayah.
3. Sekiranya anda mengandung atau belum melepasi tempoh 60 hari bersalin atau mendapat kemalangan dan memerlukan tempoh rawatan yang panjang, anda tidak dibenarkan mendaftar.
4. Penetapan **bidang pengkhususan dan tempat pengajian adalah muktamad** dan anda tidak dibenarkan memohon pertukaran bidang pengkhususan serta tempat pengajian yang telah ditawarkan.
5. Walau apapun peruntukan atau perbekalan dalam surat tawaran bersyarat ini, Kerajaan berhak meminda apa-apa peraturan dan syarat-syarat yang ditetapkan atau menambahkannya pada bila-bila masa tanpa sebarang pemberitahuan dan anda adalah tertakluk kepada pindaan-pindaan tersebut. Kerajaan berhak menarik balik tawaran ini tanpa memberikan sebarang sebab.
6. Perjanjian Pendidikan Guru (PPG) hendaklah dicetak dan dibawa bersama-sama pada hari pendaftaran. Pengisian PPG ini akan dilaksanakan semasa Minggu Haluan Siswa Madani IPGM KPM di tempat pengajian yang ditawarkan.
7. Surat tawaran rasmi akan dikeluarkan selepas anda selesai mendaftar dalam sistem e-Pelajar.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DR. MOHAMAD ISA BIN AZIS)
Timbalan Rektor
Institut Pendidikan Guru Malaysia
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan